



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**ALAM SEKITAR  
TANGGUNGJAWAB  
BERSAMA**



Tarikh Bacaan:  
**31 OKTOBER 2025M / 9 JAMADIL AWAL 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Khutbah Khas Hari Alam Sekitar Kebangsaan

31 Oktober 2025M/ 9 Jamadil Awwal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣١﴾ سورة البقرة

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan juga kepada seluruh jemaah sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba yang mendapat rahmat dan keberkatan di dunia dan di akhirat.



Sesungguhnya dengan takwa sahajalah ibadah kita diterima, doa kita dimakbulkan, dan kehidupan kita diberkati. Bagi menyempurnakan Jumaat yang penuh barakah ini, marilah sama-sama kita hayati khutbah yang bertajuk: **Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama**. Ia adalah amanah besar yang sering kita lupa, tetapi amat dituntut oleh Allah dalam kehidupan seharian kita.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Islam bukan sahaja menuntut kita menjaga ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji, tetapi juga memerintahkan kita memelihara hubungan dengan manusia, haiwan, tumbuhan serta seluruh alam sekitar. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam surah al-A'raf ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ

الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi setelah Allah memperbaikinya; dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan penuh harap. Sesungguhnya rahmat Allah dekat kepada orang-orang yang berbuat baik”*.

Ayat ini jelas melarang manusia daripada melakukan kerosakkan alam. Kerosakan itu termasuklah pencemaran udara dan air, pembaziran sumber semula jadi, penebangan hutan tanpa kawalan, pencemaran plastik, dan pembuangan sisa toksik. Semua ini memberi kesan buruk kepada kehidupan manusia, makhluk lain dan kesejahteraan generasi akan datang.

## SIDANG JEMAAH RAHIMAKUMULLAH,

Manusia diangkat sebagai khalifah di bumi sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata), “Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman, “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Tanggungjawab khalifah bukanlah untuk merosakkan bumi tetapi untuk memelihara, mengurus dan memanfaatkan sumbernya dengan adil dan lestari. Daripada Abu Said Al-Khudri رَضِيَ اللهُ عَنْهُ meriwayatkan daripada Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ maksudnya:

*“Sesungguhnya dunia ini hijau dan indah dan Allah menjadikan kamu sebagai khalifah di dalamnya. Maka dia akan melihat bagaimana kamu memperlakukan dunia ini....”* ﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Hadis ini mengingatkan kita bahawa Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى sedang memerhatikan bagaimana kita menjaga alam yang dipinjamkan kepada kita. Maka, mengabaikan kebersihan, membuang sampah merata-rata,

mencemarkan sungai, atau menebang pokok tanpa kawalan adalah perbuatan yang bertentangan dengan amanah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kita sering mendengar tentang bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh, pencemaran udara akibat jerebu, kepupusan hidupan liar dan perubahan iklim. Banyak daripada musibah ini berpunca daripada tangan-tangan manusia sendiri. Firman Allah dalam surah ar-Rum ayat 41:

**ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا**

**لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾**

Maksudnya: *“Telah timbul berbagai-bagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia (timbul yang demikian), kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

Oleh itu, kesedaran menjaga alam sekitar bukanlah isu pinggiran, tetapi sebahagian daripada tuntutan iman. Menjaga alam adalah ibadah apabila ia dilakukan dengan niat untuk mentaati Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Marilah kita mengambil pengajaran bahawa bumi ini adalah amanah Allah yang mesti dipelihara. Mengabaikan alam sekitar beerti

mengkhianati amanah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Oleh itu, setiap daripada kita hendaklah memulakan langkah menjaga kebersihan, mengurangkan pembaziran, memelihara sumber air, mengurangkan pencemaran plastik, menyokong usaha penanaman pokok, dan mendidik anak-anak agar membesar dengan sifat cintakan alam sekitar.

Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** mengajar kita bahawa menjaga alam bukan sahaja memberi manfaat di dunia, malah menjadi amalan yang berpanjangan ganjarannya di akhirat. Maka, marilah kita sama-sama menjadi hamba Allah yang beriman, beramal soleh dan berperanan sebagai khalifah yang amanah di muka bumi.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari ini, menjaga alam sekitar boleh dimulakan dengan langkah-langkah kecil yang memberi kesan besar, antaranya:

**Pertama:** Mengurangkan pembaziran sama ada makanan, air atau tenaga. Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menegur sahabat yang berlebihan menggunakan air ketika berwuduk.

**Kedua:** Menjaga kebersihan persekitaran. Jangan membuang sampah di jalanan, sungai, laut, tempat awam, rumah, sekolah, kampung atau masjid.

**Ketiga:** Mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Amalkan beg guna semula, botol dan bekas mesra alam.

**Keempat:** Menyokong penanaman pokok dan pemeliharaan hutan.

Saidina Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

*“Barang siapa menanam satu pokok, lalu manusia atau burung atau binatang memakan daripadanya, maka itu menjadi sedekah baginya.”*

﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

**Kelima:** Mendidik generasi muda agar mereka membesar dengan sikap cinta kepada alam sekitar.

Marilah kita menjadikan khutbah hari ini sebagai peringatan bahawa menjaga alam sekitar adalah amanah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، sebahagian daripada ibadah dan pelaburan untuk generasi masa depan.

Allah juga berfirman dalam surah al-Asr:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.  
3/2024 memutuskan bahawa:

**Pertama:** Restoran yang bertanda “*free-pork dan no pork no lard*”,  
adalah tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

**Kedua:** Tidak sewajarnya bagi seorang Muslim membuat ulasan  
(review), promosi, atau menjadi duta bagi restoran yang  
sedemikian.

Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang  
mempunyai logo halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal  
itu satu kefarduan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًا  
سَخَاءً رَحَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

Ya Allah, ampunilah dosa kami, dosa ibu bapa kami, kaum keluarga kami, serta seluruh umat Islam sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali kepada-Mu.

Ya Allah, jauhkanlah kami daripada riba, rasuah, penyelewengan dan pengkhianatan serta bersihkan masyarakat kami daripada segala bentuk penindasan dan kezaliman.

Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri yang tercinta ini.

Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin negeri dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan jadikanlah kami hamba-hamba-Mu yang Engkau kasihi.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG